



Selangor-SAT catat 10 pasukan teratas

Suhu sekitar 17 hingga 19 darjah Celsius pastinya memberikan tekanan buat atlet paragliding Malaysia (Selangor-SAT) yang bertanding di Paragliding Accuracy World Cup ke-5 Series China 2015, namun pasukan negara berjaya menempatkan diri dalam 10 kelompok teratas dengan menduduki tempat kesembilan daripada 25 pasukan bertanding.

Pengurus pasukan Othman Dol berkata, pasukan ini dibentuk dan digabungkan buat pertama kalinya dalam satu pasukan walaupun atlet terdiri di kalangan senior yang mana dua daripada mereka adalah kakitangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Norhisham Othman (MDKL) dan Fahrul Jamaludin (MDKL) serta dua lagi pasangan suami isteri dari Inspiration Aviation Club (IAC) iaitu Mohd Nafi Sulaiman dan Norhayati Jamaludin serta seorang dari Persatuan terbang Layang Malaysia (PTLM), Basir Rahman.

Katanya, kesemua peserta pernah sertai pelbagai kejohanan di peringkat antarabangsa, piala dunia mahupun Sukan Asia.

Othman juga berharap agar usaha ini mendapat sokongan kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta bagi memastikan sukan paragliding ini dapat terus dimajukan seiring dengan kepesatan pembangunan sukan-sukan yang lain.

Seorang kakitangan MDKL, Norhisham Othman berkata, kejohanan pada kali ini benar-benar memberi cabaran buat atlet negeri dan negara ini memandangkan ia turut disertai peserta yang pernah bergelar juara dunia seperti Matjaz Feraric (Slovenia), Andriana Lis (Indonesia) dan ramai lagi.

Katanya, walaupun pasukan negara ini baru kali pertama digabungkan, berkat pengalaman dan latihan berterusan tidak sedikit pun menggoyahkan semangat juang mereka.



Antara peserta mewakili negara yang mehyertai kejohanan.



Fahrul ketika ditemu ramah wartawan dari China kerana fasih berbahasa Mandarin.



Peserta diberi taklimat sebelum memulakan pertandingan.



Peserta membuat persiapan sebelum pertandingan bermula.



Pemandangan puncak Gunung Yong An.